

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[HAMKA: THE NOTABLE MALAY ARCHIPELAGO SCHOLAR]

HAMKA: TOKOH ULAMA NUSANTARA

NURSHUHADAH ZUHAIDI¹
FIRUZ-AKHTAR LUBIS^{2*}

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (ArabIC), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (ArabIC), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding Author: firuz@ukm.edu.my

Received Date: 15 January 2021 • Accepted Date: 15 March 2021

Abstract

Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) is a Muslim scholar from the Nusantara, who is famous with his works in many fields. His contributions in the development and progress of Muslims in the 20th century are seen as crucial. This study discusses Hamka's contributions in three major fields which are politics, education, and literature. Hamka strived in the Indonesian political movements such as the Masyumi Party and the Indonesian Ulema Council. He was a religious teacher in educational institutions in Indonesia. He was also a well-known Indonesian writer in the 20th century and had produced many works in different genres. His contributions in the three fields have put forth this writing. This study applies suitable historical analysis method such as internal and external criticism to provide factual evidence as the findings. External criticism is used to confirm the authenticity of a source in terms of time, place, and the person who quoted or produced the materials. Meanwhile, internal criticism is done through careful research of the confirmed and authentic content of the sources from external criticism. As a result, Hamka's excellence in the three fields which are politics, educations, and literature is indisputable. This study also highlights his eminence as a great Muslim scholar, writer, leader, and preacher. The impact of his contributions is evident not only in the 20th century but continues until today.

Keywords: Hamka, Malay Archipelago scholar, contributions, politics, education, literature

Abstrak

Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) merupakan ulama Nusantara abad-20M yang terkenal dengan ketokohnya dalam pelbagai bidang. Sumbangan beliau begitu penting terhadap pembangunan dan kemajuan umat Islam pada abad ke-20M. Kajian ini membincangkan sumbangan Hamka dalam tiga bidang utama, iaitu politik, pendidikan dan penulisan. Hamka bergiat aktif dalam gerakan politik Indonesia seperti Masyumi dan Majlis Ulama Indonesia. Selain itu, Hamka dilantik sebagai tenaga pengajar di institusi pendidikan di Indonesia. Hamka

juga dikenali sebagai sasterawan Indonesia pada abad ke-20M dan telah menghasilkan banyak penulisan yang terdiri daripada pelbagai genre. Peranan Hamka yang begitu menonjol dalam ketiga-tiga bidang tersebut telah menjadi titik tolak kepada penulisan ini. Kajian ini menggunakan metode kajian sejarah yang sesuai seperti kritikan luaran dan kritikan dalaman bagi memastikan ketulenan fakta yang diperolehi. Kritikan luaran dilakukan untuk mengesahkan keaslian dan ketulenan sumber dari segi masa, tempat dan individu yang menghasilkan sumber atau bahan tersebut. Kritikan dalaman pula dilakukan terhadap isi kandungan yang telah disahkan kesahihannya semasa melakukan kritikan luaran. Hasilnya, ketokohan Hamka dapat dilihat dengan jelas dalam tiga bidang tersebut, iaitu politik, pendidikan dan penulisan. Bukan itu sahaja, kajian ini turut menonjolkan ketokohan Hamka sebagai seorang ulama, sasterawan, pemimpin dan pendakwah yang disegani. Kesan sumbangannya dapat dilihat bukan sahaja pada abad ke-20M sahaja malah berterusan sehingga ke hari ini.

Kata kunci: Hamka, ulama Nusantara, sumbangan, politik, pendidikan, penulisan

Cite as: Nushuhadah Zuhaidi & Firuz-Akhtar Lubis. 2021. Hamka: Tokoh Ulama Nusantara. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 22(1): 74-82.

PENGENALAN

Haji Abdul Malim Karim Amrullah atau lebih dikenali sebagai Hamka merupakan ulama tersohor Nusantara yang begitu terkenal dengan sumbangan dan ketokohnannya dalam pelbagai bidang. Ketokohan Hamka sebagai ulama yang berasal dari alam Melayu turut dikenali oleh dunia Barat (Zawiyah & Zuraidah, 2014). Hamka telah menerima undangan ke Amerika pada tahun 1952 dan berpeluang berada di Amerika selama empat bulan (Hamka, 2017). Hal ini jelas membuktikan bahawa ketokohan Hamka tidak hanya dikenali di alam Melayu sahaja bahkan ketokohnannya sudah merentas langit Nusantara.

Sehubungan itu, artikel ini membincangkan perihal sumbangan Hamka dalam tiga bidang utama, iaitu politik, pendidikan dan penulisan. Sumbangan dan perjuangan beliau dalam ketiga-tiga bidang ini telah mengangkat beliau sehingga digelar sebagai tokoh ulama Nusantara. Menyoroti sumbangan dan perjuangan Hamka ini dirasakan sebagai satu keperluan agar generasi hari ini dapat mengambil iktibar dan menghayati perjuangan tokoh ulama terdahulu dalam menjamin pembangunan dan kelestarian ummah. Bahagian awal artikel ini menyentuh tentang latar belakang kehidupan Hamka bermula dari kelahirannya sehingga akhir hayatnya. Seterusnya, penulis menghuraikan sumbangan Hamka dalam tiga bidang utama, iaitu politik, pendidikan dan penulisan. Di akhir perbincangan ini, penulis merumuskan ketokohan Hamka menerusi tiga bidang tersebut.

LATAR BELAKANG KEHIDUPAN HAMKA

Hamka dilahirkan pada 17 Februari 1908 bersamaan 14 Muharam 1326H di sebuah perkampungan kecil, iaitu Sungai Batang, berhampiran Danau Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia. Ayah Hamka juga merupakan seorang yang dikenali dan disegani dalam kalangan masyarakat, iaitu Dr. Abdul Karim Amrullah atau lebih mesra dikenali sebagai Haji Rasul. Hamka merupakan anak daripada hasil perkahwinan Haji Rasul dengan isteri ketiga beliau,

iaitu Safiah (Abdul Rahman, 2002). Selain itu, datuk Hamka bernama Amrullah juga merupakan ulama yang terkenal di Minangkabau. Berdasarkan huraian tersebut, dapat dirumuskan bahawa Hamka berasal daripada keluarga terhormat dan dikenali masyarakat.

Sewaktu kecil, Hamka telah menerima pendidikan peringkat rendah di Sekolah Dasar Maninjau hingga kelas dua. Setelah itu, Hamka bersama-sama ayahnya berhijrah ke Padang Panjang yang terletak di Sumatera Barat. Semasa di sana, beliau berpeluang menimba ilmu di sebuah sekolah agama yang diasaskan oleh ayahnya sendiri, iaitu Sumatera Thawalib dan pada ketika itu Hamka baru berusia 10 tahun (Badiatul Razikin, 2009). Selain daripada menerima pendidikan formal, Hamka juga tidak melepaskan peluang menimba ilmu menerusi sistem pendidikan tidak formal seperti mempelajari ilmu-ilmu agama di masjid, surau dan berguru dengan beberapa orang ulama pada ketika itu. Antara ulama tersebut pada ketika itu ialah seperti Sheikh Ibrahim Musa, Sheikh Ahmad Rasyid, R. M. Surjopranoto dan Ki Bagus Hadikusumo. Latar belakang keluarganya yang begitu kukuh pegangan agama serta persekitaran agama di sekelilingnya pada ketika itu telah mendorong beliau untuk mempelejari ilmu agama dengan lebih mendalam lagi (Avif, 2016).

Kesungguhan dan semangat beliau dalam menuntut ilmu telah berjaya menjadikan beliau sebagai seorang yang mahir dalam pelbagai disiplin ilmu seperti agama, falsafah, kesusasteraan, sejarah dan politik. Seterusnya, pada tahun 1924 hingga 1925, Hamka telah merantau ke Pulau Jawa. Semasa di sana, Hamka berpeluang bertemu dengan abang iparnya, Sheikh Ahmad Rasyid yang bergiat aktif dalam gerakan Muhammadiyah. Menelusuri sejarah hidup Hamka, Sheikh Ahmad Rasyid merupakan antara individu yang memberikan sumbangan besar terhadap kemajuan diri Hamka kerana Hamka berpeluang mempelajari ilmu agama daripada abang iparnya sendiri (Yus'aiman, 2019). Bermula detik itu, Hamka mula melibatkan diri dengan kegiatan politik. Beliau menyertai Parti Sarekat Islam dan Gerakan Islam Muhammadiyah. Bukan itu sahaja, beliau juga mula menceburkan diri dalam bidang penulisan semasa berada di sana dan ketika itu Hamka baru berusia 17 tahun. Pada bulan Julai 1925, Hamka pulang semula ke Padang Panjang dan pada tahun 1927, Hamka berkesempatan menuaikan ibadah haji pada usia 19 tahun (Mustafa, 1992).

Seterusnya pada tahun 1929, Hamka menamatkan zaman bujangnya dengan isteri beliau bernama Siti Raham (Badiatul Razikin, 2009). Hamka berkahwin pada usia 21 tahun dan isterinya baru berusia 15 tahun. Selepas berkahwin, Hamka kekal menetap di Padang Panjang dan episod perjuangan Hamka sebagai seorang ulama bermula selepas itu. Hamka menghabiskan sepenuh masa hidupnya dengan memperjuangkan ummah. Tanggal 24 Julai 1981, Hamka menghembuskan nafasnya yang terakhir. Hamka mendapat serangan jantung selepas selesai solat terawih. Beliau menerima rawatan selama beberapa hari di hospital sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir di usia 73 tahun (Yus'aiman, 2019).

SUMBANGAN HAMKA DALAM BIDANG POLITIK

Penglibatan Hamka dalam bidang politik bermula sejak beliau berusia 17 tahun. Pada tahun 1925, beliau menjadi ahli Sarekat Islam dan selepas kemerdekaan, beliau mula bergiat aktif dalam parti Majlis Syura Muslimin Indonesia atau lebih dikenali sebagai Masyumi. Parti ini merupakan parti politik yang ditubuhkan susulan daripada Kongres Umat Islam yang berlangsung pada 7 hingga 8 November 1945. Parti Masyumi diasaskan pada tarikh yang sama,

iaitu 7 November 1945. Parti ini ditubuhkan bertujuan untuk menyatukan umat Islam agar bersama-sama memperjuangkan Islam dalam bidang politik. Namun begitu, parti Masyumi ini tidak bertahan lama apabila dibubarkan oleh Presiden Soekarno pada 5 Julai 1959 (Abdul Wahid, 2016).

Perjuangan Hamka dalam bidang politik tidak terhenti di situ apabila Hamka dilantik sebagai ketua bagi Majlis Ulama Indonesia (MUI) pada tahun 1977. Semasa beliau menggalas jawatan tersebut, Hamka telah memperjuangkan pelbagai perkara terutama hal berkaitan Islam seperti mengeluarkan fatwa bagi menolak dasar kerajaan, iaitu menguatkuaskan Rang Undang-undang Perkahwinan 1973 (Abdul Wahid, 2016). Menurut Yus'aiman (2019), Hamka juga membantah usul kerajaan, iaitu umat Islam boleh meraikan sambutan Hari Natal bersama penganut agama Kristian. Namun begitu, perkara ini diendahkan oleh kerajaan dan Hamka memutuskan untuk meletakkan jawatan sebagai Ketua MUI pada Mei 1981. Selain daripada perjuangan Hamka menerusi parti politik, terdapat sebuah lagi perjuangan Hamka membebaskan tanah air daripada ancaman penjajah. Indonesia pernah diduduki oleh Jepun pada tahun 1924 hingga 1945, iaitu sewaktu Perang Dunia Kedua. Jepun tewas dalam perang pada tahun 1945 dan Hamka pulang semula ke Padang Panjang setelah selesai misi dakwahnya di Medan. Kepulangan beliau ke Padang Panjang adalah untuk menentang Belanda. Indonesia pada ketika itu berada pada zaman revolusi menuntut kemerdekaan daripada Belanda. Perjuangan Hamka bersama tokoh pejuang kemerdekaan yang lain dari tahun 1945 hingga 1949 membawa hasil apabila Belanda mengisytiharkan kedaulatan Indonesia (Yus'aiman, 2019).

Huraian tersebut di atas jelas menunjukkan bahawa dunia politik bukan satu dunia yang asing bagi Hamka. Seawal usia 17 tahun Hamka mula berada dalam dunia politik dan berterusan hingga akhir usia beliau. Perjuangan politik Hamka tidak hanya terbatas kepada politik Islam semata-mata malah Hamka turut terlibat dalam memperjuangkan kemerdekaan Indonesia daripada penjajah Belanda.

SUMBANGAN HAMKA DALAM BIDANG PENDIDIKAN

Penglibatan Hamka dalam bidang pendidikan bermula dengan peranan beliau sebagai seorang pendidik. Pada tahun 1927, Hamka dilantik menjadi guru agama di Perkebunan Tebing Tinggi, Medan dan pada tahun 1929, menjadi guru agama di Padang Panjang. Bukan itu sahaja, Hamka berpeluang menjadi pendidik di peringkat tinggi apabila beliau dilantik menjadi pensyarah di Universitas Islam Jakarta dan Universitas Muhammadiyyah, Padang Panjang pada tahun 1957-1958 (Badiatul Razikin, 2009). Selain daripada peranan Hamka sebagai warga pendidik, beliau juga memainkan peranan penting dalam menentukan corak pendidikan dan hala tuju pendidikan anak-anak Indonesia. Hamka dilantik menjadi Rektor di Perguruan Tinggi Islam, Jakarta dan Profesor di Universitas Mustapo, Jakarta (Muhammad Nasihuddin, 2016). Memegang jawatan penting dalam bidang pendidikan ini merupakan antara sumbangan besar Hamka terhadap institusi pendidikan Indonesia. Ketokohan beliau dalam mentadbir mendapat perhatian Menteri Agama Indonesia dan Hamka dilantik menjadi Pegawai Tinggi Agama pada tahun 1951 hingga 1960 (Muhammad Nasihuddin, 2016).

Bukan itu sahaja, Hamka turut memberikan sumbangan besar dalam bidang pendidikan terutama ilmu sejarah. Menurut Mohammad Redzuan (2001), meskipun Hamka tidak mendapat latihan khusus dalam bidang sejarah, namun kepakaran dan potensi kajian beliau menepati

disiplin ilmu sejarah. Justeru, karya penulisan Hamka mengenai sejarah boleh diterima pakai dan dijadikan sebagai rujukan. Antara penulisan sejarah beliau ialah *Sejarah Umat Islam*, *Sejarah Islam di Sumatera* dan *Dari Perbendaharaan Lama*. Terdapat sebuah kajian oleh Mohammad Redzuan (2001) juga yang mengkaji tentang aspek pendidikan dalam karya Hamka. Menurut beliau, penulisan Hamka sangat menekankan soal pendidikan contohnya Hamka menekankan bahawa pengalaman hidup merupakan unsur pendidikan yang mendidik manusia secara tidak langsung. Selain itu, Hamka menegaskan bahawa membentuk sebuah keperibadian yang unggul, memerlukan kepada pendidikan yang betul. Bukan itu sahaja, dalam penulisan Hamka juga, Hamka berpesan tentang kepentingan pendidikan rohani dan akhlak dalam diri manusia.

Hal ini juga dilihat sebagai sumbangan Hamka dalam bidang pendidikan. Hamka memandang serius terhadap institusi pendidikan kerana beliau yakin bahawa ilmu yang mampu mengubah manusia menjadi lebih baik. Disebabkan itu, Hamka memanfaatkan seluruh hidupnya dengan berdakwah dan menyebar luaskan ilmu. Buktinya, Masjid al-Azhar telah dimanfaatkan oleh beliau sejak tahun 1952 sebagai pusat dan markas penyebaran dakwah Islam. Masjid ini terletak di hadapan rumah beliau di Jakarta. Masjid tersebut tidak pernah sunyi daripada kegiatan dakwah dan ceramah agama. Hamka menjadi Imam Besar di masjid tersebut. Beliau bukan hanya menjadi imam solat bahkan beliau juga yang menguruskan segala bentuk aktiviti keagamaan di sana (Imam Taufiq, 2014).

SUMBANGAN HAMKA DALAM BIDANG PENULISAN

Bidang penulisan merupakan antara bidang yang besar sumbangan Hamka terhadapnya. Menurut Avif (2016), sepanjang hidup Hamka, beliau telah mengasilkan lebih kurang 79 buah penulisan terdiri daripada pelbagai genre (Imron, 1994). Karya-karya Hamka begitu tersohor dan dikenali hingga hari ini. Bahkan terdapat beberapa karya beliau yang diadaptasi menjadi sebuah filem. Karya penulisan Hamka sarat dengan mesej dan nilai-nilai kehidupan yang boleh dijadikan pengajaran. Ketokohan Hamka dalam bidang penulisan sukar ditandingi kerana keupaayan beliau menulis dalam pelbagai genre. Karya penulisan Hamka meliputi pelbagai aspek seperti politik, sastera, agama, sejarah dan juga penulisan santai.

Menurut Yus‘aiman (2014), semua karya yang dihasilkan oleh Hamka mempunyai mesej dan dakwahnya yang tersendiri. Elemen ini yang menjamin kelangsungan karya Hamka untuk terus bertahan dan relevan hingga hari ini kerana menurut beliau, selagi manusia masih hidup, selagi itu manusia memerlukan agama dan nilai moral kehidupan. Di samping itu, kajian terhadap karya penulisan Hamka sudah banyak dilakukan oleh ahli akademik dan para sarjana. Pelbagai bentuk kajian yang dijalankan dan hal ini dilihat sebagai bukti keunggulan karya penulisan Hamka yang tidak luput dan masih segar hingga hari ini (James, 2016). Perbincangan sumbangan Hamka dalam bidang penulisan ini akan melihat kepada karya-karya penulisan beliau yang dikategorikan kepada tiga kategori, iaitu penulisan ilmiah, penulisan agama dan penulisan sastera kreatif.

Penulisan Ilmiah

Penulisan ilmiah ialah karya yang bersifat akademik dengan menggunakan laras bahasa formal. Kandungannya juga memuatkan fakta-fakta penting terhadap perkara yang dibincangkan. Penulisan ilmiah Hamka ini boleh dilihat menerusi karyanya berjudul *Falsafah Hidup*, *Pandangan Hidup Muslim*, *Lembaga Hidup*, *Lembaga Budi*, *Kenang-kenanganku di Malaysia*, *Kenang-kenangan Hidup*, *Revolusi Fikiran*, *Urat Tunggang Pancasila* dan *Dari Perbendaharaan Lama* (Yus‘aiman, 2019). Secara ringkasnya dapat dikatakan karya penulisan ilmiah Hamka cenderung kepada pandangan beliau terhadap sesuatu perkara seperti soal kehidupan, cara manusia berfikir dan terdapat juga penulisan beliau yang membahaskan tentang kemerdekaan Indonesia. Topik yang dibahaskan dalam penulisan ilmiah Hamka ini dilihat sebagai topik yang agak berat dan memerlukan kepada pembacaan yang tekun supaya mesej dan perkara yang ingin disampaikan dapat difahami dengan jelas dan betul. Begitulah antara sifat penulisan ilmiah Hamka dan tidak dinafikan bahawa buah fikiran serta mesej yang disampaikan menerusi penulisan tersebut begitu penting dan sering menjadi rujukan masa kini.

Bukan itu sahaja, kematangan idea dan gaya penulisan Hamka turut mempengaruhi minat pembaca untuk membaca dan menilai setiap mesej tersurat maupun tersirat yang terdapat dalam penulisan ilmiah tersebut (Muhammad Rifa‘i, 2018) Hal ini dilihat sebagai nilai keunggulan yang dimiliki oleh penulisan ilmiah Hamka. Meskipun topik perbincangannya agak berat, namun setiap mesej yang disampaikan masih diterima oleh pembaca. Begitulah sumbangan Hamka menerusi penulisan ilmiah beliau. Penulisan ilmiah merupakan medium lain yang digunakan oleh Hamka untuk menyuarakan pandangan dan kritikan beliau terhadap sesuatu perkara dan isu yang serius. Menurut Hamka, ucapan yang dilontarkan menerusi ucapan tidak bertahan lama seperti yang diterjemah melalui penulisan.

Penulisan Agama

Antara penulisan agama Hamka yang tersohor ialah karya *Tafsir al-Azhar*. *Tafsir al-Azhar* merupakan kitab tafsir yang menghimpunkan syarah 30 juzu’ yang dimulakan dengan syarah Surah al-Fatiyah (Imam Taufiq, 2014). Selain itu, kitab tafsir ini mempunyai nilai keistimewaannya yang tersendiri. Kitab tafsir ini telah ditulis semasa Hamka berada di dalam penjara, iaitu pada 27 Januari 1964 hingga 21 Januari 1967, iaitu selama dua tahun tujuh bulan (Avif, 2016). Tafsir ini dinamakan *al-Azhar* bersempena dengan nama masjid yang dibina oleh Hamka dan terletak di hadapan rumahnya. Tujuan utama penulisan *Tafsir al-Azhar* adalah sebagai rujukan mengukuhkan hujah para mubaligh dan mendukung gerakan dakwah (Yus‘aiman, 2019).

Hamka turut menyatakan penghargaan beliau terhadap guru-guru dan ulama yang memberi sokongan penuh terhadap usaha beliau menghasilkan *Tafsir al-Azhar* ini, iaitu ulama dari Aceh, Sumatera Timur, Palembang, Mesir, al-Azhar, Makassar, Banjarmasin, Jawa Timur dan ramai lagi (Avif, 2016). Kecekalan dan keazaman yang tinggi dalam diri Hamka, akhirnya pada tahun 1967, *Tafsir al-Azhar* berjaya diterbitkan buat kali pertama. Selain daripada memuatkan syarah 30 juzu’, *Tafsir al-Azhar* juga ada menjelaskan latar belakang kehidupan penulisnya, menzahirkan watak masyarakat dan sosio-budaya pada zaman tersebut (Imam Taufiq, 2014).

Meskipun berada dalam tahanan, namun itu bukan halangan untuk Hamka berkarya dan berdakwah. Malah beliau semakin bersemangat kerana beliau mempunyai banyak masa untuk menulis dan beribadah. Situasi tersebut telah mencetuskan semangat dan kekuatan baru terhadap pemikiran dan pandangan hidupnya sebagaimana yang dinyatakan olehnya dalam kitab tafsir tersebut:

Sebab selama dalam tahanan itu, selain dari mengerjakan ‘tafsir’ ini di waktu siang, di malam hari mendapat kesempatan sangat luas buat beribadat kepada Tuhan dan tahajjud serta munajat lepas tengah malam, adalah obat yang paling mujarab pengobat muram dan kesepian di waktu segala jalan hubungan di bumi ditutup orang, hubungan ke langit lapang terluang (Hamka 2004).

Tafsir al-Azhar ditulis berdasarkan pandangan dan kerangka manhaj yang jelas dengan merujuk pada kaedah Bahasa Arab, tafsiran salaf, *asbab al-nuzul*, nasakh mansukh, ilmu hadis, fiqh dan sebagainya (Avif, 2016). Bukan itu sahaja, tafsir ini juga turut memuatkan ijтиhad dalam membandingkan dan menganalisis pemikiran mazhab (Imam Taufiq, 2014). Tafsir ini dianggap sebagai pencapaian dan sumbangan terbesar Hamka dalam membangun pemikiran serta mengangkat tradisi ilmu yang melahirkan sejarah penting dalam penulisan tafsir di Nusantara (Yus‘aiman, 2019).

Penulisan Sastera Kreatif

Ketokohan Hamka sebagai sasterawan terserlah menerusi penulisan sastera kreatif beliau. Hamka bukan sahaja tokoh ulama yang arif dalam hal-hal agama malah beliau juga berbakat dalam menghasilkan karya sastera. Keunggulan karya sastera Hamka tidak terbatas kepada penulisan sahaja malah beberapa buah karyanya turut diangkat menjadi filem seperti *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (Yus‘aiman, 2019). Meskipun penulisan Hamka ini hadir dalam bentuk penulisan sastera kreatif, namun mesej dan pengajaran masih dimuatkan dalam penulisan tersebut. Secara ringkasnya, penulisan sastera kreatif Hamka boleh dibahagikan kepada dua genre, iaitu novel dan cerpen. Beliau telah menghasilkan enam buah novel yang bermutu dan mendapat sambutan ramai, iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (1938), *Merantau ke Deli* (1938), *Di Bawah Lindungan Kaabah* (1938), *Terusir Kerana Fitnah* (1938), *Tuan Direktur* (1939), *Keadilan Ilahi* (1941) dan *4 Bulan di Amerika* (1952) (Yus‘aiman, 2019).

Seterusnya, penulisan cerpen beliau telah dihimpunkan dalam tiga buah antologi cerpen, iaitu *Di Dalam Lembah Kehidupan* (1941), *Menunggu Bedok Berbunyi* (1950) dan *Cermin Penghidupan* (1962) (Yus‘aiman, 2019). Secara ringkasnya dapat dilihat bahawa ketokohan Hamka sebagai seorang sasterawan tidak dapat disangkal lagi. Mustafa (1992) dalam penulisannya turut memuji keunggulan penulisan sastera Hamka. Menurut beliau, karya sastera Hamka mempunyai nilai estetika yang tinggi. Berdasarkan huraian tersebut, dapat dirumuskan bahawa ketokohan Hamka dalam bidang penulisan tidak hanya terbatas kepada satu jenis penulisan sahaja malah Hamka berbakat menulis pelbagai jenis karya seperti penulisan ilmiah, agama dan sastera kreatif. Hamka ternyata seorang penulis yang prolifik dan sumbangan beliau

dalam bidang penulisan dianggap penting terhadap agama, intelektual dan kehidupan masyarakat.

KESIMPULAN

Perbincangan dalam penulisan ini jelas menonjolkan ketokohan Hamka sebagai ulama Nusantara menerusi tiga bidang utama, iaitu politik, pendidikan dan penulisan. Sumbangan Hamka dalam ketiga-tiga bidang tersebut telah mengangkat beliau sebagai ulama dan tokoh yang disegani. Sumbangan Hamka dalam parti politik telah memberikan kesan yang besar terhadap kelangsungan dan pembangunan umat Islam apabila beliau menganggotai parti Masyumi, Majlis Ulama Indonesia dan juga terlibat dengan perjuangan kemerdekaan pada tahun 1945. Bukan itu sahaja, peranan mendidik anak bangsa menjadi insan berguna turut ditonjolkan menerusi perjuangan beliau dalam bidang pendidikan. Selain daripada menjadi tenaga pengajar, Hamka juga dilantik menjadi Rektor di Perguruan Tinggi Islam. Akhir sekali, ketokohan Hamka juga dilihat dalam bidang penulisan menerusi tiga jenis karya yang dihasilkan, iaitu penulisan ilmiah, agama dan sastera kreatif.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM), Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kod: GGPM-2019-016.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2002). *Pemikiran Etika Hamka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications& Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Wahid. (2016). Sosial politik dalam tafsir Hamka. Kertas Kerja Ar-Raniry International Conference on Islamic Studies (ARICIS) 2016. Banda Aceh, Indonesia, 26-27 Oktober.
- Avif Alviyah. (2016). Metod penafsiran Buya Hamka dalam *Tafsir al-Azhar*. *Ilmu Ushuluddin* 15(1), 25-35.
- Badiatul Razikin. (2009). *101 Jejak Tokoh Islam*. Jogjakarta: e-Nusantara.
- Hamka. (2004). *Tafsir al-Azhar*. Jil. I. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hamka. (2017). *4 Bulan di Amerika*. Jil. 1. Kuala Lumpur: Jejak Tarbiah.
- Imam Taufiq. (2014). Membangun damai melalui mediasi: Studi terhadap pemikiran Hamka dalam *Tafsir al-Azhar*. *Al-Tahrir: Jurnal Pemikiran Islam* 14(2): 297-320.
- Imron Mustofa. (1994). *Buya Hamka*. Indonesia: Huta Parhapuran.
- James, R.R. (2016). *Hamka's Great Story: A Master Writer's Vision of Islam for Modern Indonesia (New Perspectives in SE Asian Studies)*. Wisconsin: University of Wisconsin Press.
- Mohammad Redzuan Othman. (2001). *Hamka dan Transformasi Sosial di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nasihuddin. (2016). Percikan pemikiran Hamka. *Jurnal al-Lubab* 1(1): 166-180.
- Muhammad Rifa'i. (2018). Kepribadian dalam perspektif Hamka. *Jurnal Fokus Konseling* 4(1): 51-61.

- Mustafa Daud. (1992). Sastera dakwah: Satu analisis kritis terhadap karya kreatif Hamka. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Nunu Burhanuddin. (2015). Konstruksi nasionalisme religius: relasi cinta dan harga diri dalam karya sastra Hamka. *Jurnal Pengembangan Ilmu Keislaman* 10(2): 353-384.
- Yus‘aiman Jusoh @ Yusof. (2019). Sumbangan dan legasi Hamka sebagai ulama tersohor Nusantara. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019. Selangor, 22 Oktober.
- Zawiyah Baba & Zuraidah Hassan. (2014). Analisis bibliografi karya Hamka dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)* 2(1): 93-101.